

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Helaihan Pendedahan Produk (PDS) ini memberi anda maklumat penting mengenai takaful keluarga anda.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu; **anda juga harus membacanya.**

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/produk takaful yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ("TIPS") PIDM atau hubungi AIA PUBLIC Takaful Bhd. atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).



**AIA PUBLIC
TAKAFUL**

AIA PUBLIC Takaful Bhd.

201101007816 (935955-M)

Tarikh: 19/12/2025

1 Apakah Business Financing Reducing Term Takaful?

Business Financing Reducing Term Takaful (BFRTT) (Ini ialah **PRODUK TAKAFUL**) menawarkan perlindungan takaful selama 30 tahun terhadap kematian dan Hilang Upaya Menyeluruh Kekal (HUMK) (sebelum mencapai umur 70 tahun). Ianya ialah pelan Takaful Caruman Tunggal berkurangan berkumpulan kepada pembiayaan perniagaan Public Islamic Bank Berhad (PIBB). Bayaran bagi manfaat ini akan dibuat kepada PIBB untuk menyelesaikan jumlah kewangan tertunggak anda dengan PIBB. Jika jumlah baki kewangan sebenar adalah kurang daripada jumlah dilindungi, baki akan dibayar kepada anda. Pelan ini bertujuan untuk memberikan perlindungan.

Konsep Syariah yang berkenaan di bawah sijil takaful ini ialah Tabarru' (derma), Wakalah (agensi), Mudarabah (perkongsian keuntungan), Ju'alah (insentif prestasi), Qard (pinjaman tanpa faedah) dan Hibah bersyarat (hadiah). Sila rujuk laman web untuk penerangan konsep ini.

2 Ketahui Perlindungan / Faedah Anda

Sebagai ilustrasi, untuk RM 16,735.00 bagi Caruman Tunggal, anda akan menerima perlindungan / faedah takaful keluarga berikut:	
Faedah Kematian atau Faedah Hilang Upaya Menyeluruh Kekal (HUMK)	Jumlah asal yang dilindungi bagi pelan ini ialah RM 500,000.00. Jumlah ini akan berkurangan secara tahunan mengikut Jadual Jumlah Dilindungi yang ditunjukkan dalam Sijil Takaful. Apabila berlaku kematian atau HUMK, yang mana berlaku dahulu, pelan ini akan membayar lebih tinggi antara: Jumlah perlindungan mengikut Jadual Jumlah Dilindungi seperti yang ditunjukkan di dalam Sijil Takaful; atau Nilai Akaun di dalam DAP
Faedah Kematian akibat Kemalangan	Apabila berlaku kematian akibat kemalangan, pelan ini akan membayar lebih rendah antara: Tambahan 10% daripada jumlah yang dilindungi yang masih tertunggak mengikut Jadual Jumlah Dilindungi; atau RM 150,000
Faedah Kematangan	Nilai Akaun di dalam DAP
Takaful keluarga anda tidak termasuk : Bunuh diri - Jika kematian disebabkan oleh bunuh diri dalam tempoh 6 bulan dari tarikh permulaan perlindungan, Kami akan mengembalikan caruman yang dibayar, tolak sebarang caj. Sijil kemudiannya akan ditamatkan. ebarang penyakit atau pembedahan yang tidak berkaitan dengan sebarang diagnosis atau rawatan penyakit kritikal. Keadaan Sedia Ada pada tarikh berkuatkuasa dilindungi di bawah sijil takaful ini. Terpakai kepada sijil yang dikeluarkan di bawah Had Perlindungan Percuma: Keadaan sedia ada sebelum tarikh-tarikh yang dinyatakan di bawah atau keadaan perubatan yang didedahkan oleh anda dalam borang aplikasi (jika ada). (i) Jika caruman anda dibayar oleh bank, tarikh berkuatkuasa yang dinyatakan dalam surat penerimaan bank, atau (ii) Jika caruman anda adalah dibayar sendiri, tarikh permulaan perlindungan yang dinyatakan di dalam sijil takaful.	
Nota: Senarai ini tidak lengkap . Anda mesti merujuk kepada sijil takaful untuk senarai penuh pengecualian.	

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan pertolongan mengenai takaful keluarga anda, anda boleh:



Hubungi kami di:
1800-18-1464 (Care Line)
03-2056 1111 (Tel.)



Lawati kami di:
<https://www.publicislamicbank.com.my/business-banking/takaful/credit-life-takaful/business-financing-term-takaful-2/>



E-mel kami di:
my.pdsenquiry@aia.com

3 Ketahui Tanggungjawab Anda

Untuk takaful keluarga ini, anda mesti membayar caruman takaful keluarga berikut:	
Caruman	RM 16,735.00 Caruman Tunggal Jumlah caruman yang perlu anda bayar dan terma-terma sijil mungkin berubah bergantung kepada keperluan penunderaitan AIA PUBLIC Takaful Bhd. Sila ambil perhatian bahawa caruman adalah dijamin.
Tempoh: Caruman Tunggal	
Anda juga perlu membayar yuran-yuran dan caj-caj berikut:	
Jumlah Komisen	10% daripada jumlah caruman yang perlu dibayar atau RM 1,673.50
Jumlah yuran Wakalah (termasuk komisyen)	30% daripada jumlah caruman yang perlu dibayar atau RM 5,020.50
Caj lain yang dikenakan	<i>Tabarru'</i> ditolak setiap bulan bergantung pada umur anda yang dicapai dan faktor lain. Ia akan meningkat apabila anda semakin tua. Ianya adalah sumbangan bagi tujuan saling membantu kepada Peserta lain yang memerlukan.

4 Terma Utama Lain

<p>Anda mesti mendedahkan semua fakta material seperti keadaan perubatan dan menyatakan umur anda dengan betul. Jika tidak, anda mungkin berisiko tuntutan anda ditolak atau sijil ditamatkan.</p> <p>Jenis-jenis dana yang tersedia di bawah sijil takaful ini ialah Dana Akaun Peserta (DAP) dan Dana Risiko Peserta (DRP).</p> <p>Perlindungan Interim- Jika caruman anda dibiayai oleh bank, perlindungan interim terhadap kematian dan hilang upaya menyeluruh kekal akan disediakan dari tarikh pengeluaran surat penerimaan sehingga tarikh berkuatkuasa sijil selama maksimum 365 hari. Jumlah perlindungan interim adalah jumlah yang dilindungi asal selepas ditolak sebarang caruman yang belum dibayar.</p> <p>Had Perlindungan Percuma - Jumlah perlindungan yang dibenarkan tanpa sebarang keperluan untuk bukti perubatan, penilaian kesihatan atau penunderaitan yang ditentukan mengikut keperluan penunderaitan AIA PUBLIC Takaful Bhd.</p> <p>Tuntutan – Sila rujuk kepada laman web AIA PUBLIC Takaful Bhd. untuk memahami prosedur tuntutan dengan lebih lanjut.</p> <p>Pertukaran Pelan - Ianya mungkin tidak akan menguntungkan untuk bertukar dari satu Sijil Takaful ke satu Sijil Takaful yang lain, kerana Anda akan tertakluk kepada keperluan pengunderaitan yang baru, tempoh menunggu yang penuh dan syarat-syarat sedia ada Sijil Takaful yang baru.</p> <p>Nilai Akaun - Nilai Akaun Sijil Takaful anda bergantung kepada prestasi DAP dan tidak dijamin.</p> <p>Salinan Transaksi- Sila simpan satu salinan rekod transaksi sebagai bukti pembayaran Caruman</p> <p>Nota: Senarai ini tidak lengkap. Anda harus merujuk kepada Sijil Takaful untuk senarai penuh terma dan syarat.</p>
--

? Bolehkah saya membatalkan sijil saya?

Ya, anda boleh membatalkan sijil anda dengan memberikan notis bertulis kepada AIA PUBLIC Takaful Bhd.

Tempoh Percuban: Anda boleh membatalkan Sijil Takaful anda dalam tempoh lima belas (15) hari selepas menerima e-sijil anda di portal pelanggan AIA, atau dalam tempoh lima belas (15) hari selepas menerima salinan cetak jika dipilih. AIA PUBLIC Takaful Bhd. akan mengembalikan caruman anda, ditolak sebarang perbelanjaan perubatan yang ditanggung.

Notis Bertulis: Selepas Tempoh Pemeriksaan Percuma, anda boleh menyerahkan Sijil Takaful anda dengan memberikan notis bertulis kepada AIA PUBLIC Takaful Bhd. Nilai serahan (jika ada) ialah Nilai Akaun Dana Akaun Peserta (DAP) dan ia tidak dijamin. Sila pertimbangkan dengan teliti kerana Anda mungkin mengalami kerugian sekiranya Anda menyerahkan Sijil Takaful. Sijil Takaful kemudiannya akan ditamatkan.